

## Akta lupus kenderaan terbiar siap 3 tahun

**Kuala Lumpur:** Undang-undang berkaitan pengurusan kenderaan terbiar, termasuk membolehkannya dirampas untuk dilupuskan, dijangka siap dalam tiga tahun.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, dua jawatankuasa ditubuhkan bagi mengkaji keperluan mewujudkan dasar berkaitan serta bagi menggubal undang-undang khusus menangani masalah kenderaan terbiar.

Katanya, kajian itu melibatkan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Peng-

angkutan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Cooperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Isu kenderaan terbiar mendapat perhatian ramai. JPM maklumkan kepada saya 6,000 aduan dari lapan kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Johor diterima daripada orang awam berhubung masalah ini.

"Kementerian

menyedari isu ini kerana ia membahayakan pengguna, selain menjurus pembiakan nyamuk termasuk Aedes, mengganggu parkir awam, selain memiliki bahan toksik.

"Hasil mesyuarat antara semua kementerian berkaitan hari ini, kami setuju menubuhkan kumpulan kerja membincangkan isu ini secara lebih mendalam serta mencadangkan dasar dan kaedah pengurusan kenderaan terbiar kepada kerajaan," katanya.

